

22/12/1997

Sambut baik keputusan Ghapur

KOTA KINABALU, Ahad - Umno Sabah menyambut baik keputusan Datuk Abdul Ghapur Salleh untuk menimbang semula hasratnya meletakkan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Menteri Kewangan dan Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno selepas dinasihatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Abdul Karim Ghani, berkata keputusan yang diambil Ghapur tepat pada waktunya, ini membolehkan Umno Sabah menumpu sepenuh masa kepada masalah ekonomi dan persediaan pilihan raya.

"Kita berharap Ghapur menarik balik keputusan itu dan terus memberi khidmat kepada parti dan kerajaan yang amat diperlukan dalam menghadapi suasana ekonomi yang merosot sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas nasihat Dr Mahathir semalam supaya Ghapur menimbang semula keputusannya untuk meletak jawatan yang berkuatkuasa Khamis lalu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dilaporkan berkata beliau sudah mendengar penjelasan Ghapur, tetapi belum membuat keputusan untuk menerima peletakan jawatannya.

(END)